

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

**Penganjuran majlis erat ukhuwah penduduk**  
**09 Oct 2010**  
**Sinar Harian**  
**Selangor & KL**  
**N/A**  
**Daily**  
**60,000 /**

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

**Malay**  
**S13**  
**178 cm<sup>2</sup>**  
**Full Color**  
**979**  
**2,937**



# Penganjuran majlis erat ukhuwah penduduk

**KEPONG ULU** – Semangat ukhuwah dalam kalangan penduduk di Jalan Jelutong, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), dekat sini dapat dilihat melalui gotong-royong penganjuran majlis yang diadakan.

Pengerusi majlis jamuan hari raya di situ, Abdul Wahid berkata, penduduk di jalan itu diibaratkan seperti sebuah keluarga besar melalui semangat kerjasama ala desa yang dipupuk di situ sejak dahulu lagi.

“Penglibatan penduduk bukan saja pada sambutan hari raya, malahan majlis keramaian lain seperti kenduri kahwin dan mereka tidak akan melepaskan peluang menyumbang tenaga dan buah fikiran serta membantu apa-apa yang patut.

“Pada majlis sebegini kami dapat bersama-sama kerana pada waktu biasa semua sibuk

dengan aktiviti dan tugas masing-masing,” katanya ketika ditemui pada Jamuan Hari Raya penduduk Jalan Jelutong, di sini.

Hadir sama, Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abd Latif Mohmood dan isteri.

Dalam pada itu, Abdul berkata, lebih bermakna apabila kakitangan Frim dalam program komuniti seumpamanya tidak pernah membezakan pangkat atau kedudukan dalam organisasi.

Sementara itu, ketua hidangan bagi majlis itu, Shah Darus berkata, program yang diadakan itu diharap dapat mengeratkan hubungan kalangan penduduk di Jalan Jelutong.

“Program ini adalah acara tahunan yang kita adakan dan sambutan kehadiran penduduk juga nampaknya sangat menggalakkan,” katanya.



■ Penduduk bergotong-royong menyediakan juadah sempena jamuan Aidilfitri.